



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 7 Mac 2023 (Selasa) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
 Unit Komunikasi Korporat
 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>KPWKM Tidak Kompromi Kualiti Makanan Di PPS</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1073064/kpwkm-tidak-kompromi-kualiti-makanan-di-pps</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/248327</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/06/floods-welfare-dept-has-resolved-issues-over-quality-of-food-at-relief-centres-says-nancy</p> <p>https://m.malaysiakini.com/news/657477</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/06/kpwkm-kenal-pasti-isu-kualiti-makanan-di-pps</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>The Star</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Utusan Borneo</p>	Neutral

https://malaysiapost.com.my/2023/03/06/bahan-basah-terhad-punca-kualiti-makanan-terjejas-nancy/amp/	Malaysia Post
https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/petugas-jkm-mencukupi-akan-ditambah-jika-perlu-nancy/	Utusan
https://www.thesundaily.my/local/kpwkm-shortage-of-perishable-goods-led-to-poor-food-quality-at-relief-centres-JH10712193	The Sun Daily
https://m.malaysiakini.com/news/657497	Malaysia Kini
https://bernama.com/en/general/news.php?id=2170448	Bernama
https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/942780/kpwkm-kenal-pasti-isu-kualiti-makanan-di-pps	Harian Metro
https://www.chinapress.com.my/20230306/%E7%96%8F%E6%95%A3%E4%B8%AD%E5%BF%83%E9%A3%9F%E7%89%A9%E5%93%81%E8%B4%A8%E4%B8%8D%E4%BD%B3-%E9%83%A8%E9%95%BF%EF%BC%9A%E6%B9%BF%E8%B4%A7%E8%B4%A7%E6%BA%90%E6%9C%89%E9%99%90%E6%98%AF%E4%B8%BB%E5%9B%A0/amp/	China Press
https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/03/06/nancy-explains-poor-quality-of-food-at-flood-relief-centres/	FMT
https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-kenal-pasti-isu-kualiti-makanan-di-pps-409480?amp=1	Astro Awani
https://www.kosmo.com.my/2023/03/06/petugas-jkm-cukup/	Kosmo
https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/58713-isu-kualiti-dan-bekalan-makanan-di-pps-selesai	Berita RTM
https://www.youtube.com/watch?v=PBxDNMK-iCE	The Star
https://www.youtube.com/watch?v=rdjRsWSjfCw	The Asian Affairs
https://www.dailyexpress.com.my/news/208793/nancy-explains-poor-quality-of-food-at-flood-relief-centres/	Daily Express

	<p>https://www.thevibes.com/articles/news/86980/supply-issues-led-to-poor-food-quality-at-flood-relief-centres-nancy</p> <p>https://headtopics.com/my/floods-welfare-dept-has-resolved-issues-over-quality-of-food-at-relief-centres-says-nancy-36265168</p> <p>https://www.kinitv.com/bm/berita/123436</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=mPiE8KohmUI</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=bHLJMsB0_7w</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2170405</p>	<p>The Vibes</p> <p>Head Topics</p> <p>Kini TV</p> <p>Berita Harian Online</p> <p>Harian Metro</p> <p>Bernamea</p>	
2	<p>Empat Beradik Ditinggalkan Kebuluran, Ibu Gagal Tampil Ke JKM</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/942707/empat-beradik-ditinggalkan-kebuluran-ibu-gagal-tampil-ke-jkm</p> <p>https://bm.cari.com.my/portal.php?mod=view&aid=219507</p>	<p>Harian Metro</p> <p>BM. Cari</p>	Neutral
3	<p>Khemah Kubikel PPS Beri Keselesaan, Tapi Ada 'Tapau' Bawa Balik</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/248321/edisi/johor/khemah-kubikel-pps-beri-keselesaan-tapi-ada-tapau-bawa-balik</p>	<p>Sinar Harian</p>	Neutral
4	<p>Kanak-Kanak Lelaki Lapan Tahun Lemas Di Pantai Kemayang</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/248432/berita/selatan/kanak-kanak-lelaki-lapan-tahun-lemas-di-pantai-kemayang</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/kanak-kanak-lemas-dihanyut-ombak-deras/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/utama/2023/03/942796/tia-da-lagi-pelukan-dan-ciuman-fadhullah-untuk-ibu</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Utusan</p> <p>Harian Metro</p>	Negatif

	<p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1073293/baru-tutup-pusat-kawalan-seorang-lagi-kanak-kanak-lemas</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/248366/berita/s emasa/mayat-kanak-kanak-lelaki-lemas-di-bachok-dijumpai</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/06/mayat-kanak-kanak-lelaki-lemas-di-bachok-dijumpai</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2170477</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/657515</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Bernamea</p> <p>Malaysia Kini</p>	
5	<p>Bapa ‘Pergi’ Dalam Tidur, Tinggalkan Anak Tunggal Autism</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/06/bapa-pergi-dalam-tidur-tinggalkan-anak-tunggal-autism/</p>	<p>Kosmo</p>	Neutral
6	<p>Guna Kanak-Kanak Tagih Simpati</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/942812/guna-kanak-kanak-tagih-simpai</p>	<p>Harian Metro</p>	Neutral
7	<p>Dua Lelaki Cabul Kanak Kanak Dicekup Polis</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/03/06/dua-lelaki-cabul-kanak-kanak-dicekup-polis/</p> <p>https://www.getaran.my/artikel/semasa/42027/2-lelaki-ditahan-cabul-kanak-kanak-di-tandas-surau</p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Getaran</p>	Neutral
8	<p>Ibu Sedih Berpantang Dalam Banjir Tanpa Bayi [METROTV]</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/942688/ibu-sedih-berpantang-dalam-banjir-tanpa-bayi-metrotv</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=RPUzvy9OHHo</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=xW luWdOPTs</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p>	Neutral

<p>9</p>	<p>Mayat Pemandu Wanita Ditemui Dalam Kereta Hanyut Banjir</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1073357/mayat-pemandu-wanita-ditemui-dalam-kereta-hanyut-banjir</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/248436/berita/semasa/mayat-wanita-hanyut-banjir-bersama-kereta-ditemui</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/942939/jasad-pemandu-wanita-dalam-kereta</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-johor-wanita-berusia-24-tahun-korban-kelima-409575</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/06/wanita-hilang-selepas-kereta-dihanyut-arus-banjir/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=Q7PKfLte70k</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=arrI_loT13g</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/07/banjir-johor-mayat-wanita-ditemui-dalam-kereta-dihanyut-arus-deras/</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>Kosmo</p> <p>Astro Awani</p> <p>Buletin TV3</p> <p>FMT</p>	<p>Neutral</p>
<p>10</p>	<p>KJ Beri Pesanan Untuk Lelaki Sempena Hari Wanita Sedunia</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/06/kj-beri-pesanan-untuk-lelaki-sempena-hari-wanita-sedunia/</p>	<p>Kosmo</p>	<p>Neutral</p>
<p>11</p>	<p>Warga Emas Meninggal Dunia Di PPS</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/942903/warga-emas-meninggal-dunia-di-pps</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-meninggal-dunia-di-pps-akibat-jangkitan-kuman-dalam-darah-409570</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/248419/berita/semasa/warga-emas-meninggal-dunia-di-pps</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p>	<p>Neutral</p>

	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1073274/warga-emas-meninggal-di-pps-alami-jangkitan-kuman-dalam-darah https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2170636 https://www.thesundaily.my/home/warga-emas-meninggal-dunia-di-pps-akibat-jangkitan-kuman-dalam-darah-BH10716016	<p>Berita Harian</p> <p>Bernamea</p> <p>The Sun Daily</p>	
12	<p>Ras Adiba Antara Penerima Anugerah Wanita Berani Antarabangsa 2023</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ras-adiba-antara-penerima-anugerah-wanita-berani-antarabangsa-2023-409579</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2170670</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Bernamea</p>	Neutral

KPWKM TIDAK KOMPROMI KUALITI MAKANAN DI PPS

<https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1073064/kpwkm-tidak-kompromi-kualiti-makanan-di-pps>

Sumber : Berita Harian



BATU PAHAT: Bekalan bahan basah terhad antara punca timbulnya isu kualiti makanan yang dibekalkan kepada mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS) baru-baru ini, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata, susulan isu itu pihaknya sudah mendapatkan penjelasan daripada katering terbabit dan mereka mengakui sukar mendapatkan bekalan bahan basah sehingga menjejaskan kualiti makanan yang disediakan.

Katanya, KPWKM tidak berkompromi dalam kualiti penyediaan makanan kepada mangsa banjir di PPS.

"Kami ada menerima satu aduan berhubung isu kualiti makanan di PPS di Sri Medan di sini dan sudah mendapatkan penjelasan daripada pihak katering terbabit.

"Mereka mengakui ada kekurangan dari segi kualiti makanan disebabkan susah hendak mendapatkan bekalan bahan basah dan terpaksa pergi jauh.

"Amaran sudah diberikan tetapi buat masa ini bukan senang untuk mencari katering baharu sebab itu kita bertolak ansur untuk membantu menyelesaikan masalah ini," katanya ketika mengadakan tinjauan di PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Kota Dalam Ayer Hitam di sini, hari ini.

Nancy berkata, setakat ini beliau difahamkan masalah itu sudah reda dan pihak Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) turut membantu rakyat di kawasan terbabit.

Katanya, tiada sebarang masalah jika mangsa banjir melakukan gotong-royong menyediakan makanan.

Menurutnya, paket makanan bungkus atau retrort akan diagihkan kepada mangsa banjir pada hari pertama mereka di PPS.

"Terpulang kepada mangsa sama ada mahu menjalankan gotong-royong untuk menyediakan makanan. Kami amat mengalu-alukan.

"Rewang atau gotong-royong terpulang kepada persetujuan mangsa, sebab ada mangsa tidak mahu kerana hendak pulang rumah untuk mencuci dan bersihkan rumah.

"Sekarang ini terpulang kepada pihak di sini kalau mereka bersetuju rewang maka kita tiada masalah," katanya.

Semalam, Ahli Parlimen Ayer Hitam, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong menerusi video yang dikongsi di facebooknya meluahkan rasa terkilan dan kecewa dengan kualiti makanan yang diagihkan kepada mangsa banjir.

Bekas Menteri Pengangkutan itu mendakwa makanan itu tidak sempurna, malah pembekal menghantar makanan lewat kepada mangsa banjir.

EMPAT BERADIK DITINGGALKAN KEBULURAN, IBU GAGAL TAMPIL KE JKM

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/942707/empat-beradik-ditinggalkan-kebuluran-ibu-gagal-tampil-ke-jkm>

Sumber : Harian Metro



Pasir Gudang: Ibu kepada empat beradik yang diselamatkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) selepas dipercayai menjadi mangsa pengabaian di Taman Air Biru, di sini, masih gagal tampil bagi membincangkan masa depan anak-anaknya.

Pegawai JKM Daerah Johor Bahru, Adnan Md Yassin berkata, wanita berkenaan gagal tampil mahupun menghubungi pihaknya sejak anaknya diselamatkan pada Jumaat lalu.

Menurutnya, sehingga kini kanak-kanak berkenaan masih berada di wad di Hospital Sultan Ismail (HSI).

Katanya, mereka didapati dalam keadaan sihat dan dalam pemantauan doktor.

"Kami berharap wanita itu datang ke Pejabat JKM bagi membincangkan masa depan anaknya.

"Kami mahu mendapatkan penjelasan dan maklumat terperinci berkaitan perbuatannya," katanya ketika dihubungi hari ini.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superintendan Mohd Sohaimi Ishak berkata, polis sudah mengambil keterangan daripada ibu empat beradik berkenaan bagi tindakan sesuai.

Beliau berkata, polis akan dirujuk kepada pejabat Timbalan Pendakwa Raya bagi penelitian.

"Polis membuka kertas siasatan di bawah kes pengabaian kanak-kanak.

"Empat beradik berkenaan masih di hospital bagi menjalani pemeriksaan kesihatan," katanya ketika dihubungi hari ini.

Harian Metro sebelum ini melaporkan empat beradik berusia antara lima hingga 13 tahun kebuluran empat hari selepas ibu mereka berusia 31 tahun gagal pulang ke rumah.

Wanita berkenaan juga hanya meninggalkan RM2 bagi kegunaan anak-anaknya.

Kanak-kanak berkenaan bukan saja terputus bekalan makanan malah bekalan elektrik di kediaman mereka juga dipotong akibat tunggakan bil.

Mereka yang menjalani kehidupan serba kekurangan termasuk kebuluran akibat terputus bekalan makanan selama empat hari diselamatkan JKM.

Tindakan diambil hasil aduan diterima daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Pertubuhan Permata Baiduri Malaysia.

Mengikut pengaduan, empat beradik yang berkenaan didakwa hidup tanpa penjagaan di Blok 59, SEDC, Taman Air Biru, Pasir Gudang di sini.

KHEMAH KUBIKEL PPS BERI KESELESAAN, TAPI ADA 'TAPAU' BAWA BALIK

<https://www.sinarharian.com.my/article/248321/edisi/johor/khemah-kubikel-pps-beri-keselesaian-tapi-ada-tapau-bawa-balik>

Sumber : Sinar Harian



SEGAMAT - Walaupun khemah kubikel disediakan di pusat pemindahan sementara (PPS) memberi keselesaan kepada mangsa bencana, namun ada segelintir yang tidak bertanggungjawab dengan membawa balik khemah berkenaan.

Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Segamat, Mohamad Kamil Helmi Mohd Pang berkata, perlakuan yang jelas melanggar arahan berkenaan, biasanya dilakukan ketika sesebuah PPS itu ditutup.

"Mereka berkenan, mereka rasa cantik, kemudian bawa balik. Contoh bila kita buka 1,000 khemah, biasanya dalam seratus atau dua ratus khemah mesti hilang," katanya ketika ditemui di PPS Sekolah Kebangsaan Gemereh, di sini.

Beliau berkata, kebiasaannya setelah selesai digunakan, khemah kubikel berkenaan akan disimpan di pelbagai stor seperti stor JKM, sekolah atau balai raya bagi memudahkan ia disalurkan segera kepada PPS yang dibuka.

Katanya, Yayasan Sultan Ibrahim Johor juga telah menyumbang sejumlah 25,000 khemah kubikel pada awal tahun lepas bagi kegunaan mangsa banjir di PPS, dengan 10,000 diagih kepada JKM Johor dan 15,000 kepada APM Johor.

Sementara itu, seorang penghuni PPS, Zarina Talib, 43, berkata, sebelum ini dia sering berasa gusar, risau dan agak berat hati untuk berpindah kerana memikirkan ketidakselesaan dan tiada privasi jika berada di PPS.

Zarina yang berasal dari Kampung Seberang Badak, di sini, berkata, jika tujuh atau lapan tahun lepas, keadaan di PPS kurang selesa kerana keluarga ditempatkan secara bersama dalam satu-satu tempat, tanpa ada sebarang penghadang yang memisahkan antara setiap keluarga.

Ibu kepada seorang anak perempuan berusia 15 tahun itu berkata, keadaan sedemikian kurang menyenangkan terutamanya bagi wanita yang sedang dalam tempoh berpantang kerana tiada ruang peribadi untuk mereka.

Bagaimanapun suri rumah itu, yang sudah hampir lapan kali berpindah ke PPS, menyedari saban tahun, kemudahan di PPS semakin baik, dengan perubahan paling ketara dari segi aspek pengurusan penginapan sekeluarga dengan membekalkan khemah kubikel.

Sehubungan itu, beliau berkata, tindakan tidak bertanggungjawab penghuni PPS yang mengambil khemah kubikel berkenaan patut dihentikan kerana ia akan menyusahkan mangsa bencana lain selepas ini.

Sementara itu, seorang lagi penghuni PPS di SK Gemereh, Rahmat Abdul Latif, 73, berkata, khemah berkenaan amat selesa kerana saiznya yang lebih besar, tinggi dan berkualiti.


Katanya, orang ramai sepatutnya menjaga kemudahan berkenaan dengan lebih baik kerana ia adalah untuk kegunaan bersama dan bukannya hak milik persendirian.

"Cuma kalau saiz khemah kubikel disediakan mengikut bilangan ahli sesebuah keluarga adalah lebih mudah. Contohnya kalau mangsa seorang sahaja boleh bagi khemah lebih kecil," katanya. - Bernama

KANAK-KANAK LELAKI LAPAN TAHUN LEMAS DI PANTAI KEMAYANG

<https://www.sinarharian.com.my/article/248432/berita/semasa/kanak-kanak-lelaki-lapan-tahun-lemas-di-pantai-kemayang>

Sumber : Sinar Harian



BACHOK - Seorang kanak-kanak lelaki berusia lapan tahun ditemukan lemas selepas mandi dekat benteng batu di Pantai Kemayang di sini, petang tadi.

Ketua Polis Daerah Bachok, Superintendan Mohamad Ismail Jamaluddin berkata, mangsa Muhammad Iman Mikail Muhammad Sabri dipercayai datang ke pantai itu bersama bapa saudara dan ibu saudaranya.

"Ketika mangsa sedang mandi bersama bapa saudaranya, ombak yang terlalu kuat telah menyebabkan mangsa dibawa arus hingga ke tengah laut.

Bagaimanapun, seorang anggota bomba Ahmed Mazdan Jusoh yang kebetulan berada di lokasi kejadian telah terjun ke laut untuk menarik Muhammad Iman apabila jasad kanak-kanak itu menghampiri benteng batu," katanya ketika dihubungi Bernama hari ini.

Beliau berkata, mayat mangsa dibawa ke Klinik Kesihatan Beris Panchor di sini dan disahkan meninggal dunia oleh pegawai perubatan yang bertugas.

Terdahulu, seorang kanak-kanak lelaki [Ahmad Fadhlullah Mohamad](#), 12, turut ditemukan lemas tengah hari tadi selepas dihanyutkan ombak besar di pantai ini, semalam.

Mengulas lanjut, Mohamad Ismail berkata susulan daripada dua kejadian itu, pihaknya telah mencadangkan kepada Pejabat Tanah dan Majlis Daerah Bachok untuk meletakkan papan tanda larangan mandi di kawasan berkenaan.

Katanya, cadangan tersebut telah dipersetujui oleh ketua jajahan serta tindakan segera akan diambil selain lawatan tapak juga akan dibuat esok bersama ketua jajahan serta Setiausaha Majlis Daerah Bachok.

"Kita juga ingin menasihatkan kepada orang ramai terutamanya kepada ibu bapa serta penjaga agar mengambil langkah berwaspada ketika mengunjungi pantai terutamanya ketika musim ini," katanya. – Bernama

BAPA 'PERGI' DALAM TIDUR, TINGGALKAN ANAK TUNGGAL AUTISM

<https://www.kosmo.com.my/2023/03/06/bapa-pergi-dalam-tidur-tinggalkan-anak-tunggal-autism/>

Sumber : Kosmo



PETALING JAYA – Perlakuan menyayat hati seorang kanak-kanak autism ketika menghadiri pengebumian ayahnya telah menyentuh emosi ramai pengguna media sosial hari ini.

Menerusi video yang dimuat naik oleh @sweetmarina58 di akaun TikTiknya, kelihatan kanak-kanak berusia sembilan tahun itu dalam keadaan menangis ketika dibawa ke kawasan kubur untuk memperlihatkan ayahnya buat kali terakhir.

Kanak-kanak perempuan itu berjaya ditenangkan dan akhirnya melihat sayu ayahnya dikebumikan dari tepi kubur.

“Anak tunggal arwah seorang ini sahaja berusia sembilan tahun. Dia tidak faham apa yang berlaku kerana kanak-kanak istimewa autisme.

“Ayahnya muda lagi umur 41 tahun meninggal dalam tidur kelmarin. Semoga syurga tempatmu,” tulis pengguna itu dalam videonya.

Sehingga kini video tersebut telah mendapat 531,000 tontonan, 23,100 tanda suka dan 793 perkongsian.

Meninjau ke ruangan komen, ramai yang sebak melihat video tersebut dan mendoakan agar urusan kanak-kanak itu dipermudahkan.

“Al-Fatihah, hilang tempat mengadu seorang anak perempuan, hilang kekuatan anak itu,” komen Intan.

“Masyallah, semoga dipermudahkan urusan kamu selepas ini ya anak syurga, sebaknya rasa sebab saya juga dikurniakan seorang anak istimewa,” komen pengguna yang lain pula. – KOSMO! ONLINE

GUNA KANAK-KANAK TAGIH SIMPATI

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/942812/guna-kanak-kanak-tagih-simpatia>

Sumber : Harian Metro



Johor Bahru: Beberapa wanita dipercayai warga asing sanggup menjadikan kanak-kanak sebagai modal untuk menagih simpati pengguna jalan raya ketika menjual tisu di persimpangan lampu isyarat di Taman Johor Jaya di sini sejak awal bulan ini.

Seorang pengguna jalan raya, S Saraswati, 46, berkata perbuatan tidak bertanggungjawab beberapa penjual tisu jalanan itu bukan saja membahayakan keselamatannya dan kanak-kanak berkenaan malah boleh mengundang risiko kepada orang awam.

Menurutnya, dua wanita masing-masing mendukung kanak-kanak didapati menghampiri kenderaan yang berhenti di persimpangan lampu isyarat.

Katanya, malah mereka juga sanggup beroperasi pada waktu hujan tanpa mempedulikan keselamatan kanak-kanak yang dibawa itu.

"Semalam bukan kali pertama saya terserempak dengan dua wanita berkenaan, mereka sanggup berjalan dari kereta ke kereta untuk menjual tisu dengan membawa kanak-kanak.

"Saya bersimpati melihat keadaan kanak-kanak yang dipercayai berusia kurang tiga tahun itu yang dijadikan sebagai umpan untuk menagih simpati ramai.

"Saya yakin dengan alasan menjual tisu, mereka sebenarnya mengemis kerana ada pengguna jalan raya menghulurkan wang tanpa mengambil tisu yang dijual," katanya.

Sementara itu, seorang penduduk, R Steven, 34, berkata, wanita berkenaan mahupun kanak-kanak berkenaan kelihatan seperti warga Rohingya terdedah kepada risiko kemalangan.

Menurutnya, malah ia juga boleh mengancam keselamatan pengguna jalan raya lain terutama penunggang motosikal.

"Diharap pihak berkaitan segera mengambil tindakan terhadap wanita berkenaan.

"Kehadiran mereka jelas menjejaskan imej bandar raya ini yang menjadi antara pintu masuk negara," katanya.

Sementara itu, Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Johor Bahru, Adnan Md Yassin berkata pihaknya akan menjalankan siasatan berhubung pengaduan diterima.

DUA LELAKI CABUL KANAK KANAK DICEKUP POLIS

<https://malaysiagazette.com/2023/03/06/dua-lelaki-cabul-kanak-kanak-dicekup-polis/>

Sumber : Malaysia Gazette

KUALA LUMPUR – Polis menahan dua lelaki yang disyaki mencabul seorang kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun di dalam tandas di sebuah surau dan rumah suspek di Bukit Sentosa, Hulu Selangor pada 3 Mac lalu.

Timbalan Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Deputy Superintendan Mohd Asri Mohd Yunus berkata, kedua-dua suspek dicekup dalam dua serbuan berasingan selepas kejadian itu.

Mohd. Asri berkata, pihaknya menerima satu laporan polis berkaitan kes cabul itu pada jam 4.53 petang.

“Hasil siasatan awal polis mendapati kedua-dua suspek yang berusia 56 tahun dan 74 tahun itu juga dipercayai menunjukkan kemaluan (alat sulit) mereka kepada mangsa perempuan itu,” kata beliau dalam kenyataan.

Menurut Mohd. Asri, kedua-dua suspek kemudian dilibatkan dalam ujian saringan air kencing namun didapati negatif dadah selain semakan mendapati mereka tidak memiliki rekod jenayah lampau.

Tambah beliau, kedua-dua suspek kini direman selama tujuh hari bermula Sabtu lalu sehingga Jumaat ini untuk membantu siasatan.

Jelasnya, kes disiasat di bawah Seksyen 14 (A) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan 15 (A)(i) akta yang sama.

Mohd. Asri berkata, beliau percaya dengan tertangkapnya kedua-dua suspek, polis berjaya menyelesaikan kes cabul itu. – MalaysiaGazette

IBU SEDIH BERPANTANG DALAM BANJIR TANPA BAYI [METROTV]

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/942688/ibu-sedih-berpantang-dalam-banjir-tanpa-bayi-metrotv>

Sumber : Harian Metro

Batu Pahat: Seorang ibu terpaksa berpantang di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) tanpa bayinya di sini, selepas kediaman keluarganya di Kampung Parit Sameon, Kota Dalam dinaiki air sedalam satu meter sejak Rabu lalu.

Suri rumah, Shafizah Samad, 27, berkata dia dibawa berpindah ke PPS di Sekolah Kebangsaan (SK) Kota Dalam di sini oleh suaminya, Yazid Mohammad, 34 bersama tiga anak mereka termasuk bayi berusia 21 hari selepas Maghrib pada hari pertama banjir, Rabu lalu.

Katanya selepas ditempatkan di PPS, bayinya, Nur Fatimah Alia mengalami sesak nafas dan selsema dan dibawa ke Hospital Sultanah Nora Ismail di sini dan ditahan di wad, sehingga kini.

"Sebelum berpindah, anak ketiga saya ada mengalami selsema mungkin kerana cuaca juga sejuk sebab hujan berterusan tanpa henti sejak 28 Februari lalu.

"Suami dukung saya dari rumah dan menaiki kereta ke PPS kerana air parit yang terletak di hadapan rumah sudah melimpah, bahagian dapur juga sudah dinaiki air banjir.

"Sedih sangat sudahlah rumah dinaiki air, berpantang di PPS tanpa bayi di sisi, anak lahir normal tetapi mungkin disebabkan keadaan sejuk dan hujan, jadi banyak kahak dan sukar bernafas selepas berpindah di PPS. Saya harap bayi saya cepat sihat dan kami dapat bersama-sama pulang ke rumah selepas banjir pulih," katanya ketika ditemui di PPS Kota Dalam, di sini, hari ini.

Shafizah berkata ibunya, Kalsom Puteh, 62 meminta dia dibawa ke PPS lebih awal bagi mengelak kejadian lebih buruk.

Katanya di PPS, dia dijaga ibunya dan kesihatan selepas berpantang dipantau jururawat yang datang ke PPS.

MAYAT PEMANDU WANITA DITEMUI DALAM KERETA HANYUT BANJIR

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1073357/mayat-pemandu-wanita-ditemui-dalam-kereta-hanyut-banjir>

Sumber : Berita Harian



MERSING: Mayat seorang wanita ditemukan dalam kereta Perodua Myvi malam ini, dipercayai hanyut dibawa arus deras di Jalan Nitar Utama di sini, pagi tadi.

Pemangku Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor, Mohd Rizal Buang, berkata mayat wanita itu ditemukan dalam kereta berkenaan pada jam 10.19 malam ini, selepas keretanya ditemukan pada jam 6.55 petang tadi.

Beliau berkata, kereta berwarna kelabu milik mangsa berjaya dibawa keluar menggunakan peralatan "vehicle rockery system", yang mengambil masa kira-kira 40 minit berikutan berdepan kesukaran akibat pokok yang menghalang.

"Kita berjaya menemukan mangsa selepas kereta berkenaan dibawa naik sebelum menyerahkannya kepada pihak polis pada jam 10.22 malam untuk tindakan lanjut," katanya menerusi kenyataan malam ini.

Terdahulu, kereta mangsa ditemui Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) dalam keadaan terbalik pada jarak 15 meter daripada lokasi dia dilaporkan hilang.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Mersing Supt Abdul Razak Abdullah Sani mengesahkan penemuan mayat wanita itu, yang dipercayai pemandu Perodua Myvi yang dilaporkan hilang pagi tadi.

"Mayat dibawa ke Unit Forensik, Hospital Mersing untuk proses bedah siasat dan pengecaman oleh ahli keluarga. Kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut," katanya dalam kenyataan berasingan, malam ini.

Pada kejadian kira-kira jam 6.49 pagi itu, mangsa yang berusia 23 tahun itu, dipercayai dalam perjalanan dari Mersing ke Kluang dan memandu di jalan raya yang telah dinaiki air sebelum dihanyutkan arus bersama-sama kereta yang dipandunya. – BERNAMA

KJ BERI PESANAN UNTUK LELAKI SEMPENA HARI WANITA SEDUNIA

<https://www.kosmo.com.my/2023/03/06/kj-beri-pesanan-untuk-lelaki-sempena-hari-wanita-sedunia/>

Sumber : Kosmo



PETALING JAYA – Bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar memberi pesanan kepada semua lelaki supaya menjadi rakan kongsi yang berkesan sekali gus menjadikan wanita lebih hebat.

Katanya, para lelaki juga harus memberikan hak dan keupayaan serta peluang kepada golongan wanita sebagai sokongan dalam mengangkat mereka.

“Sempena Hari Wanita tahun ini, saya ada mesej bukan untuk wanita tetapi untuk lelaki. Sebab kesaksamaan gender ini untuk kita memberi hak kepada wanita bukan perjuangan wanita sahaja.

“Kalau kita jadi majikan kita bagi peluang yang sama kepada wanita. Beri gaji yang sama kepada wanita dan juga kemudahan yang terbaik kepada wanita,” katanya.

Beliau berkata demikian sempena Hari Wanita Sedunia 2023 dalam segmen Bekpes Hot di stesen Hot FM pukul 8 pagi tadi.

Segmen Bekpes Hot hari ini turut disertai tetamu undangan iaitu Kapten Pasukan Bola Sepak Wanita Kebangsaan, Steffi Sarge Kaur Sergeant Singh.

Pada masa sama, Khairy Jamaluddin turut ‘dibahan’ beberapa kali mengenai pasukan Manchester United apabila kalah 0-7 kepada pasukan Liverpool, semalam.

“Lepas nombor 6, terus nombor 6A dan 8. Panas lah,” kata Johan.

“Takda ‘game’ (perlawanan) pun semalam,” balas Khairy Jamaluddin. – KOSMO! ONLINE

WARGA EMAS MENINGGAL DUNIA DI PPS

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/942903/warga-emas-meninggal-dunia-di-pps>

Sumber : Harian Metro

Batu Pahat: Warga emas meninggal dunia dalam khemah di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Orang Ramai Yong Peng di sini, hari ini.

Ketua Polis daerah Batu Pahat, Asisten Komisioner Ismail Dollah berkata, mangsa berusia 84 tahun didapati tidak sedarkan diri pada 1.30 petang ketika sedang berehat.

Katanya pegawai perubatan daripada Klinik Kesihatan Yong Peng mengesahkan lelaki itu meninggal dunia dipercayai kerana jangkitan kuman dalam darah.

"Warga emas itu mendapat rawatan terakhir di Hospital Sultanah Nora Ismail (HSNI) di sini, kira-kira 7.30 malam, Jumaat lalu.

"Berdasarkan maklumat anaknya, warga emas itu menghidap penyakit batu karang, gastrik, penyakit kulit dan darah tinggi.

"Siasatan awal mendapati dia masuk ke PPS itu bersama keluarganya pada Jumaat lalu dan telah ke HSNI untuk mendapatkan rawatan kerana sakit perut serta dimasukkan ke wad," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Ismail berkata, warga emas terbabit dibenar pulang semalam dan dihantar terus ke PPS berkenaan.

Menurutnya, arwah juga disuapkan makanan kira-kira 11.45 pagi namun muntah, sebelum berehat di dalam khemah dan ditemui tidak sedarkan diri.

RAS ADIBA ANTARA PENERIMA ANUGERAH WANITA BERANI ANTARABANGSA 2023

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ras-adiba-antara-penerima-anugerah-wanita-berani-antarabangsa-2023-409579>

Sumber : Astro Awani



KUALA LUMPUR: Senator Datuk Ras Adiba Radzi diumumkan sebagai antara penerima Anugerah Wanita Berani Antarabangsa (IWOC) bagi 2023 yang dijadualkan berlangsung di Rumah Putih pada Rabu ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat (AS) hari ini, Setiausaha Negara, Anthony J.Blinken dan Wanita Pertama AS, Jill Biden akan menjadi hos acara tahunan itu.

"Majlis Anugerah IWOC akan memberi penghormatan kepada sekumpulan 11 wanita luar biasa dari seluruh dunia yang berusaha membina masa depan lebih cerah untuk semua," katanya.

Kenyataan itu menyebut Ras Adiba telah menghabiskan kebanyakan masa profesionalnya untuk memajukan serta mempromosi hak asasi manusia tanpa mementingkan diri sendiri dengan membantu populasi rentan dan menggunakan pelbagai platform untuk mengetengahkan ketidakadilan dalam masyarakat di Malaysia.

Pada Mei 2020, beliau dilantik sebagai senator bagi mewakili golongan kurang upaya.

Pada November 2020, Ras Adiba menjadi wanita pertama dilantik sebagai Pengerusi Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) yang merupakan momen bersejarah kerana Malaysia kekurangan pemimpin kaum hawa lebih-lebih lagi daripada golongan kurang upaya.

Ras Adiba juga pernah mewakili negara dalam acara menembak pada temasya sukan paralimpik dan mengabadikan namanya dalam Buku Rekod Malaysia kerana melakukan perjalanan sejauh 420 kilometer dengan berkerusi roda selama 13 hari dari Johor Bharu ke Putrajaya.

Penerima lain anugerah berprestij itu termasuk Dr Zakira Hekmat dari Afghanistan, Alba Rueda dari Argentina dan Donis Rios dari Costa Rica.